



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	20/10/2019	MUKA SURAT	:	35
JABATAN	:	JPS			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

### **JPS cadang KTMB bina benteng**

**PORT DICKSON** - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri telah mencadangkan Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) supaya membina benteng atau ban di Sungai Simin bagi mengelakkan banjir di Stesen KTM Sungai Gadut di sini seperti yang berlaku Khamis lepas.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, ia bagi memastikan air dari sungai berkenaan tidak melimpah masuk ke kawasan itu yang sebelum ini telah menenggelamkan beberapa buah kenderaan yang diparkir.

"Ia telah disampaikan kepada pihak KTM untuk disegerakan dan tindakan itu terpulang kepada pihak mereka. Kita di pihak kerajaan negeri dah arahkan JPS untuk terus membersihkan kawasan-kawasan sungai tersebut supaya tidak berulang kejadian tersebut.

"Itu yang harus kita lihat dan kalau air terlampau banyak, kita tak boleh buat apa lagi. Kerajaan negeri akan pastikan saluran itu baik," katanya selepas merasmikan Karnival Peng-



**Kedadaan selepas banjir berlaku di Stesen KTM Sungai Gadut pada Khamis lalu.**

kalan Kempas di sini semalam.

Pada Khamis lalu, hujan lebat yang berlaku pada sebelah petang menyebabkan beberapa kawasan di sekitar Sungai Gadut dekat sini dilanda banjir kilat sedalam 1.2 hingga 1.5 meter termasuk di Stesen KTM Sungai Gadut dan Kawasan Perindustrian Senawang.

Sementara itu, ketika mengulas mengenai cadangan supaya kawasan parkir kenderaan di kawasan berkenaan dibina secara bertingkat, Aminuddin

berkata, pihaknya mengalu-alukan cadangan tersebut.

Kelmarin, Exco Pembangunan Belia dan Sukan negeri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paroi, Mohamad Taufek Abd Ghani dilapor sebagai berkata, kerajaan Negeri Sembilan akan mempertimbangkan cadangan membina parkir bertingkat di Stesen Komuter KTM Sungai Gadut sebagai langkah mengatasi masalah kenderaan ditenggelami air akibat banjir kilat. - *Bernama*